

**Faktor 'Ah Jib Gor' akan menarik undi Cina ke BN, kata delegasi MCA
Malaysian Insider
22 Oktober, 2012
Oleh Nomy Nozwir dan Hafidz Baharom**

KUALA LUMPUR, 22 Okt — Populariti Datuk Seri Najib Razak atau faktor "Ah Jib Gor" akan membantu memujuk sebahagian segmen pengundi Cina menyokong kembali Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang, kata pemimpin akar umbi MCA, akan tetapi memberi amaran sukar untuk mengalahkan pembangkang di kubu kuat mereka di bandar.

Ini adalah sentimen di kalangan perwakilan yang menghadiri mesyuarat umum tahunan ke-59 MCA di Wisma MCA semalam, yang dilihat sebagai peluang terakhir parti itu untuk mencartakan strategi pilihan raya menjelang pertempuran yang paling sukar bakal berlaku beberapa bulan akan datang.

"Najib adalah baik kerana dia telah melakukan banyak program untuk rakyat, saya yakin orang Cina akan mengundi BN," kata seorang perwakilan, Lim Chee Cheong dari MCA Rasah, Negeri Sembilan.

"Najib telah melakukan banyak untuk orang Cina. Dan beliau mempunyai sokongan kami dan sokongan masyarakat Cina juga," perwakilan lain, Loke Poh Chye dari MCA Pengkalan Kota, Pulau Pinang, memberitahu The Malaysian Insider.

Semasa mesyuarat sebelumnya, antara salah satu laungan pertempuran utama yang dibunyikan oleh kepimpinan parti adalah panggilan agar perwakilan "Berdiri dengan Najib", yang digambarkan secara meluas sebagai pemimpin yang popular di kalangan orang Cina.

Dalam ucapan presiden, presiden parti Datuk Seri Dr Chua Soi Lek berkali-kali memuji dasar transformasi Najib dan perhatian yang diberikan kepada isu-isu masyarakat Cina, sehingga memberitahu perdana menteri, "Tuan, kadang-kadang saya berfikir bahawa anda terlalu baik."

Semasa AGM Pemuda MCA pada hari Sabtu, timbalan presiden parti Datuk Seri Liow Tiong Lai meramalkan bahawa MCA akan "bangkit semula" dalam pilihan raya akan datang, memetik populariti Najib di kalangan masyarakat Cina sebagai salah satu daripada sebab utama di sebalik kemungkinan tersebut.

Beliau berkata, jangkauan perdana menteri ke arah masyarakat Cina, termasuk menggunakan media sosial seperti Facebook untuk mewujudkan satu persona Cina, "Ah Jib Gor" (abang Najib), telah meyakinkan komuniti tersebut baru mereka tidak akan ditinggalkan di sebalik pembangunan negara.

"Faktor rasa-baik akan datang kembali. Dan komitmen daripada PM kepada masyarakat Cina ... faktor Ah Jib Gor menunjukkan bahawa beliau akan mendengar masyarakat Cina," Liow berkata.

Akan tetapi, di sebalik keyakinan pemimpin-pemimpin ini, beberapa perwakilan MCA yang ditemubual oleh The Malaysian Insider semalam bersetuju bahawa parti itu paling sengsara apabila cuba untuk mempengaruhi pengundi Cina bandar, menunjukkan bahawa di

kawasan-kawasan seperti Petaling Jaya Selatan atau negeri-negeri utama seperti Pulau Pinang, hampir mustahil bagi MCA untuk mengalahkan Pakatan Rakyat (PR).

"Saya tidak fikir kita boleh memenangi kembali PJ, mereka sudah berakar dengan pembangkang. Saya tidak fikir kita boleh mengambil Pulau Pinang kembali juga," kata Loh KF, perwakilan dari kawasan itu.

Loh adalah di kalangan beberapa perwakilan yang mengakui bahawa isu rasuah akan menjadi antara penghalang terbesar BN untuk menarik kembali undi Cina, sambil mengadu bahawa sukar untuk menjawab kepada pengundi isu-isu seperti Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) dan kes skandal rasuah lain.

"Rasuah adalah benar-benar buruk, saya sendiri adalah mangsa," kata perwakilan MCA Sungai Siput, Tham Siew Poh.

Tham juga kritikal dengan tumpuan MCA mengenai undang-undang hudud, isu basi yang digunakan terhadap DAP dan PAS yang merupakan parti komponen PR.

"Kebanyakan orang Cina sudah memahami bahawa isu hudud dan melepas tangan, ia adalah satu persoalan agama, sangat sensitif. Isu ini tidak perlu diulas pun.

"Lagipun, hudud telah pun dilaksanakan di banyak negara, mengapa takut jika kita tidak lakukan kesalahan?" kata Tham.

Akan tetapi pendapatnya tidak dikongsi oleh Catherine Chia, perwakilan MCA Tenggara, Johor.

Chia berkata isu hudud adalah penting untuk diketengahkan kerana ia boleh menjejaskan budaya Cina dan telah merendahkan martabat wanita.

"Saya fikir hudud ini akan menjejaskan semua orang, bukan sahaja masyarakat Cina, tetapi seluruh negara. Jika negara di bawah undang-undang hudud, kita akan menjadi seperti negara-negara Timur Tengah. Dan lapan daripada negara-negara yang paling korup datang dari rantau itu," kata Loke .

Orang Pulau Pinang juga berkata bahawa MCA diperlukan untuk mencari keberanian yang lebih besar dan menjadi lebih tegas di Pulau Pinang yang dipimpin PR, satu cadangan yang perwakilan Kulim, Tan Kok Leong bersetuju.

"MCA mesti berani untuk bercakap supaya kita dilihat sebagai berada di tahap yang sama seperti UMNO. MCA dan Umno sama dalam keluarga BN, tetapi kita mesti bersuara untuk hak-hak kita," kata Tan.

Walaupun, Lim dari MCA Rasah tidak bersetuju dengan mengatakan bahawa sudah ada layanan sama antara Umno dan rakan-rakan BN lain.

"Kami semua seperti sebuah keluarga. MCA dan Umno telah bekerja bersama-sama untuk masa yang lama. Jadi kita mesti bekerjasama untuk memastikan kemenangan. Tiada siapa yang lebih penting, semua adalah sama," kata Lim.

Selepas Pilihan Raya 2008, MCA telah sering dikritik kerana didakwa kekurangan pengaruh sebagai sebuah parti "junior" dalam BN, turut digambarkan sebagai "tunduk" kepada rakan gabungan Umno.

Semasa pilihan raya tersebut, MCA telah mengalami kekalahan terburuk yang pernah disaksikan apabila tewas lebih separuh kerusi daripada 31 tinggal hanya 15 kerusi.

MCA terus musnah oleh perebutan kuasa dan perang puak selepas pilihan raya, membawa kepada mesyuarat agung luar biasa pada tahun 2010, menyaksikan Dr Chua mengalahkan bekas presiden parti Tan Sri Ong Ka Ting dan penggantinya Datuk Seri Ong Tee Keat bagi jawatan presiden.

Tetapi menurut Dr Chua semalam, kepimpinan baru MCA di bawah pimpinannya telah mencapai banyak, pendirian yang lebih bersatu dan parti lebih fokus kepada pilihan raya akan datang.

"Kami mempunyai kelemahan dan melalui kelemahan ini, kepimpinan MCA yang baru belajar dan muncul lebih kuat dalam menghadapi halangan dan cabaran," katanya.

"Kami telah menukar diri kami," katanya. "Kami bercakap supaya kerajaan boleh mendengar dengan kuat jelas dan kami komited untuk bercakap bagi semua rakyat Malaysia."

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/faktor-ah-jib-gor-akan-menarik-undi-cina-ke-bn-kata-delegasi-mca/>